



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: LJT 179 PT 16/(5)

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: secretary@ljt.org.my

laman web: www.ljt.org.my

24 Februari 2026
6 Ramadan 1447H

JURUKUR TANAH BERLESEN

YBhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PENGELUARAN E-INVOIS UNTUK SETIAP CAJ PENTADBIRAN (LEVI) DEPOSIT FI
UKUR DI LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada yang tersebut di atas.

2. Mulai 1 Januari 2026, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah menetapkan bahawa e-invois disatukan (consolidated e-invoicing) tidak boleh digunakan bagi satu transaksi yang melebihi RM10,000.00.
3. Seperti sedia maklum, kutipan caj pentadbiran (levi) oleh Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) sebanyak 2% daripada deposit fi ukur yang didaftarkan di LJT adalah tertakluk kepada Peraturan 26 dan Peraturan 28 Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011. E-invois juga telah dikeluarkan bagi kutipan caj pentadbiran deposit fi ukur yang didaftarkan secara teratur di LJT kepada Juruukur Tanah Berlesen (JTB) yang telah mengemukakan maklumat nombor cukai.
4. LJT juga mendapati masih ada JTB yang belum mengemaskini maklumat nombor cukai di sistem eLJT atau memilih untuk tidak menerima e-invois bagi kutipan caj pentadbiran tersebut. Pada masa ini LJT telah mengeluarkan e-invois disatukan untuk pelaporan e-invois LJT di portal MyInvois bagi kutipan caj pentadbiran deposit fi ukur yang didaftarkan secara teratur oleh kumpulan JTB ini.

5. Selaras dengan pemakluman oleh LHDN yang menetapkan had satu transaksi yang melebihi RM10,000.00 tidak boleh menggunakan e-invois disatukan, LJT akan mengeluarkan e-Invois berserta resit bagi setiap kutipan caj pentadbiran deposit fi ukur yang didaftarkan secara teratur kepada semua JTB mulai **1 Mac 2026**.
6. Oleh itu JTB dikehendaki memastikan maklumat nombor cukai yang dikemukakan kepada LJT adalah teratur supaya proses pendaftaran deposit fi ukur di LJT berjalan lancar.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(LSr MOHD RIZA BIN HALIM)
Setiausaha Lembaga
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia